



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN BAHAGIAN AKAUN
BILANGAN 2 TAHUN 2022**

**GARIS PANDUAN
PENYEDIAAN KAMUS PENGEKOSAN
BAGI PUSAT TANGGUNGJAWAB
JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN
LABUAN**

TARIKH KUAT KUASA

23 OGOS 2022

**<https://account.moh.gov.my>
2022**

KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

1. TUJUAN.....	3
2. LATAR BELAKANG.....	3
3. PUNCA KUASA.....	4
4. TATACARA PENYEDIAAN KAMUS PENGEKOSAN MODUL PBC..	5
5. PELAKSANAAN.....	13
6. MAKLUM BALAS DAN PERTANYAAN.....	13

**GARIS PANDUAN PENYEDIAAN KAMUS PENGEKOSAN
BAGI PUSAT TANGGUNGJAWAB JABATAN KESIHATAN WILAYAH
PERSEKUTUAN LABUAN**

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan dan menyelaraskan penyediaan dan penggunaan Kamus Pengekosan yang akan dilaksanakan untuk sistem MyCost Modul PTJ Based Costing (PBC) di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan (JKWPL) KKM.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pengekosan merupakan suatu teknik untuk mengenal pasti secara terperinci kos yang terlibat dalam menghasilkan output (barang/perkhidmatan) merangkumi proses pengkelasan, perekodan, dan memperuntukkan perbelanjaan kepada output yang telah dicapai oleh sesuatu entiti/program/aktiviti Kementerian dalam tempoh tertentu bagi tujuan penentuan kos akhir setiap output yang dihasilkan.
- 2.2 Pelaksanaan MyCost di KKM meliputi PTJ yang melaksanakan fungsi utama Kementerian sahaja, terdiri daripada Hospital, Pejabat Kesihatan Daerah (Klinik Kesihatan), Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah (Klinik Kesihatan Pergigian), Institut Perubatan Khas serta Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Farmasi (*Transfer Out Cost*).
- 2.3 Kamus Pengekosan merupakan kamus yang mengandungi data dan maklumat perihal output, penetapan kos komponen dan penetapan asas agihan kos.
- 2.4 Kamus Pengekosan yang seragam perlu disediakan dan digunakan oleh PTJ yang menjalankan fungsi utama Kementerian mengikut jenis kumpulan fasiliti. Penggunaan kamus yang seragam untuk PTJ-PTJ di

bawah kumpulan fasiliti yang sama amat penting bagi tujuan analisis perbandingan kecekapan kos dan trend kecekapan kos antara PTJ.

- 2.5 Kamus Pengekosal akan disediakan dan digunakan oleh PTJ mengikut kumpulan fasiliti yang ditetapkan seperti berikut:
- i) Hospital;
 - ii) Pejabat Kesihatan Daerah (bagi fasiliti Klinik Kesihatan);
 - iii) Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah (bagi fasiliti Klinik Kesihatan Pergigian);
 - iv) Institut Perubatan Khas; dan
 - v) Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Farmasi (*Transfer Out Cost*)

3. PUNCA KUASA

Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan arahan, pekeliling dan peraturan berikut:

- 3.1 Arahan Perbendaharaan (AP).
- 3.2 Pekeliling Perbendaharaan (PP):
 - 3.2.1 PP PS 1.3 – Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan; dan
 - 3.2.2 PP PS 5.1 – Garis Panduan Pelaksanaan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA).
- 3.3 Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia (GPANM) Bilangan 5 Tahun 2021 Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan: Pengekosal.
- 3.4 Manual Pengguna Sistem MyCost dan iGFMAS.
- 3.5 Surat dan arahan dalaman Bahagian Akaun Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 3.6 Peraturan lain berkaitan yang berkuat kuasa.

4. TATACARA PENYEDIAAN KAMUS PENGEKOSAN MODUL PBC

- 4.1 Kamus Pengekosan merupakan templat maklumat berkenaan pengekosan perbelanjaan PTJ yang perlu disediakan sebelum menggunakan sistem MyCost.
- 4.2 Terdapat tujuh (7) templat dalam Kamus Pengekosan dan maklumat yang lengkap akan dikunci masuk ke dalam sistem MyCost sebagai data induk.
- 4.3 Maklumat pada Kamus Pengekosan ini perlu dikemas kini mengikut keperluan seperti berikut:

Template Kamus MyCost	Kekerapan Keperluan Kemaskini	Tanggungjawab
1. Kod Komponen	Tiada keperluan	Bahagian Akaun
2. Output / Ukuran Output	Setahun sekali (sekiranya ada perubahan dan perlu maklum kepada BA terlebih dahulu)	PTJ
3. Unit Ukuran	Setahun sekali (sekiranya ada perubahan dan perlu maklum kepada BA terlebih dahulu)	PTJ
4. Kumpulan Output	Tiada keperluan	Bahagian Akaun
5. Kitaran 1	Setiap bulan (sekiranya ada)	PTJ
6. Kitaran 2	Setiap bulan	PTJ
7. Kitaran 3	Setahun sekali (sekiranya ada perubahan dan perlu maklum kepada BA terlebih dahulu)	PTJ

4.4 Penetapan Output

4.4.1 Output yang akan digunakan oleh PTJ merupakan **output utama** yang dipilih berdasarkan kriteria ditetapkan iaitu output yang **melambangkan identiti PTJ dan KKM** secara keseluruhan.

4.4.2 Berikut merupakan output dan kumpulan output yang telah ditetapkan bagi JKWPL:

PTJ	Output	Kumpulan Output
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan	Output 1 - Rawatan Pesakit Fasiliti Statik	Bilangan Pesakit
	Output 2 – Penjagaan Kesihatan Pergigian Primer	Bilangan Pesakit
	Output 3 – Penjagaan Kesihatan Pergigian Masyarakat	Bilangan Pesakit
	Output 4 – Penjagaan Kesihatan Pergigian Kepakaran	Bilangan Pesakit

4.4.3 Maklumat bilangan pesakit di bawah kategori Output 1 hingga Output 4 adalah berdasarkan maklumat bilangan pesakit seperti di laporan/reten berikut:

4.4.3.1 Output 1 – Rawatan Pesakit Fasiliti Statik

Maklumat pesakit diperoleh daripada *Labuan Transformation Medical Record* (LTMR). Sumber maklumat adalah seperti dalam jadual berikut:

Bil	Rawatan Pesakit Fasiliti Statik	Sumber Maklumat
1	Laporan Outpatient Department	PER-PL211
2	Laporan Antenatal	KIB 201B

3	Laporan Postnatal	KIB 202A
4	Laporan Kanak-Kanak	KKK 201A
5	Laporan Perancang Keluarga	PKW 201
6	Laporan Papsmear	PKW 202
7	Laporan Rawatan ke Rumah	KIB 206A
8	Laporan Lawatan Sekolah	KSK 201
9	Laporan Domisiliari	PPD 201
10	Laporan OKU	KKK 206

4.4.3.2 Output 2 – Penjagaan Kesihatan Pergigian Primer

Penjagaan Kesihatan Pergigian Primer adalah perkhidmatan yang ditawarkan di Klinik Pergigian Primer merangkumi promosi, pendidikan kesihatan pergigian, pemeriksaan, rawatan pencegahan, rawatan kuratif dan rehabilitasi. Sumber maklumat adalah seperti dalam jadual berikut:

Bil	Kesihatan Pergigian Primer	Sumber Maklumat (Jumlah Kedatangan Pesakit Baru + Ulangan)
1	Klinik Pergigian Standalone	PG101 (Daftar Pesakit)
2	Klinik Pergigian di Klinik Kesihatan (termasuk Klinik Pergigian secara lawatan)	PG101 (Daftar Pesakit)

3	Klinik Pergigian di Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) (termasuk Klinik Pergigian secara lawatan)	PG101 (Daftar Pesakit)
4	Klinik Pergigian di Institut Lain (contoh: penjara, istana, puspanita puri & lain2)	PG101 (Daftar Pesakit)
5	Klinik Pergigian Primer di Hospital	PG101 (Daftar Pesakit)
6	Pesakit ibu mengandung	PG101 (Daftar Pesakit)
7	Toddler yang diperiksa di KKIA dan Klinik Desa (KD)	Reten TOD Pin.3/2019 (KKIA)

4.4.3.3 Output 3 – Penjagaan Kesihatan Pergigian Masyarakat

Penjagaan Kesihatan Pergigian Masyarakat merangkumi promosi, pendidikan, pemeriksaan, rawatan pencegahan, rawatan kuratif dan rehabilitasi di luar fasiliti pergigian KKM. Sumber maklumat adalah seperti dalam jadual berikut:

Bil	Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Masyarakat	Sumber Maklumat [Jumlah Kedatangan Pesakit (Baru+Ulangan)]
1.	Perkhidmatan kesihatan pergigian di Klinik Pergigian UTC dan RTC (statik dan bergerak)	PG101 (Daftar Pesakit)
2.	Perkhidmatan pergigian <i>toddler</i> di taska, tadika, PERMATA / Genius dan Lain-lain.	TOD 3/2019 (Row Taska + Tadika + PERMATA / Genius + Lain-lain)
3.	Perkhidmatan pergigian di tadika	PGPS 2
4.	Perkhidmatan pergigian di pra sekolah	PGPS 2

5.	Perkhidmatan di Sekolah Rendah (statik dan bergerak)	PG203
6.	Perkhidmatan di Sekolah Menengah (statik dan bergerak)	PG204
7.	Aktiviti promosi dan pendidikan kesihatan pergigian yang direkod secara individu.	PKP201
8.	Aktiviti promosi dan pendidikan kesihatan pergigian yang dijalankan mengikut program	PGPRO (bilangan peserta)
9.	Semua Aktiviti Komuniti termasuk program di Institusi Warga Emas, Pusat Dalam Komuniti (PDK), Institusi Keperluan Khas, Kg. Orang Asli, Kg. Angkat, Kem Masyarakat, Program Kanser Mulut, Makmal Pergigian Bergerak dan lain-lain aktiviti	KOM versi 2/2014
10.	Program <i>Young Adult</i> (IPG dan Kolej Komuniti sahaja)	DMC01/2018 (Row Kolej Komuniti + Institut Pengajian Guru + Institusi Pengajian Tinggi yang lain kecuali sekolah)
11.	Program <i>Health Fair</i> (Sabah dan Sarawak sahaja)	Projek Komuniti (<i>Organized Health Fairs for Sabah And Sarawak</i>)

4.4.3.4 – Output 4 – Penjagaan Kesihatan Pergigian Kepakaran

Penjagaan Kesihatan Pergigian Kepakaran adalah perkhidmatan yang ditawarkan di Klinik Pakar Pergigian di fasiliti KKM. Perkhidmatan tersebut merangkumi kepakaran pergigian di *hospital based* dan *non-hospital based*. Sumber maklumat adalah seperti dalam jadual berikut:

Bil	Kepakaran	Sumber Maklumat (Jumlah Kedatangan Pesakit Baru + Ulangan)
<i>Hospital Based</i>		
1	Bedah Mulut dan Maksilofasial	PG 209
2	Pergigian Pediatrik	PG 213
3	Patalogi Mulut dan Perubatan Mulut	PG 215
4	Pergigian Keperluan Khas	Jumlah kedatangan pesakit Baru dan Ulangan
5	Pergigian Forensik	Jumlah kes forensik
<i>Non-Hospital Based</i>		
1	Kesihatan Awam Pergigian	Jumlah kedatangan pesakit Baru dan Ulangan (di Unit Pakar Pergigian Kesihatan Awam)
2	Ortodontik	PG 208
3	Periodontik	PG 212
4	Pergigian Restoratif	PG 216

4.5 Penetapan Kod Komponen

4.5.1 Kod komponen bagi komponen **kos langsung, kos tak langsung** dan **kos overhead** yang akan digunakan oleh PTJ adalah seperti yang telah ditetapkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Penyediaan Kamus Pengekosan yang telah diadakan bersama wakil PTJ dan Bahagian Akaun.

4.5.2 Kod komponen yang akan digunakan oleh JKWPL di sistem MyCost adalah seperti berikut:

Bil.	Nama PTJ	Kod Komponen
1.	Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan	KKMkodkomponen#13

4.6 Asas Agihan Kitaran 1

Kitaran 1 merupakan proses di MyCost untuk agihan keluar kos kepada PTJ lain (sekiranya ada). **JKWPL tidak terlibat dengan agihan kitaran 1.**

4.7 Asas Agihan Kitaran 2

4.7.1 Kitaran 2 merupakan proses di MyCost untuk agihan kos kepada setiap output yang dapat ditentukan secara tepat amaunnya. Penetapan agihan kos sebenar kepada setiap output bagi tahun semasa adalah berdasarkan kepada asas agihan yang ditetapkan oleh PTJ sama ada berdasarkan **maklumat perbelanjaan tahun sebelum** atau **purata kos sebenar** yang digunakan dalam penghasilan output. Maklumat di Kamus Pengekosan - Kitaran 2 perlu dikemaskini sekiranya terdapat perubahan amaun kos bagi kod akaun kos langsung pada bulan tersebut.

4.7.2 Asas agihan bagi setiap jenis kod akaun di Kitaran 2 telah ditetapkan seperti berikut:

i. **Asas Agihan Bahan Makanan / Minuman (kod akaun B0225101-B0225603) - Rawatan Pesakit Fasiliti Statik**

Kos Bahan Makanan / Minuman di PTJ merupakan Kos Langsung kepada Output 1 sahaja. Oleh itu, keseluruhan perbelanjaan dibawah kod akaun ini pada bulan tersebut perlu dimasukkan ke Output 1.

ii. **Asas Agihan Bekalan Perubatan Kesihatan Yang Lain (B02/B0627499) dan Gas Perubatan (B0227402)**

Perbelanjaan bagi kod akaun ini pada bulan pengekosan tersebut perlu diagihkan ke Output 1, Output 2, Output 3 dan Output 4.

iii. **Asas Agihan Bekalan Ubatan (kod akaun B02/B0627401), Bekalan Reagen (B02/B0627403), Bekalan Vaksin (B02/B0627404)**

Kos bagi kod akaun Bekalan Ubatan (kod akaun B02/B0627401), Bekalan Reagen (B02/B0627403), Bekalan Vaksin (B02/B0627404) di PTJ merupakan Kos Langsung kepada Output 1, Output 2, Output 3 dan Output 4.

4.8 Asas Agihan Kitaran 3

4.8.1 Kitaran 3 merupakan proses di MyCost untuk agihan '**cost pool**' kepada semua output PTJ yang telah ditetapkan.

4.8.2 Penentuan peratus (%) agihan perbelanjaan bagi semua output adalah berdasarkan kepada **asas agihan emolumen** kakitangan di PTJ.

5. PELAKSANAAN

5.1. Maklumat pada Kamus Pengekosaan ini perlu dikunci masuk oleh PTJ dalam sistem MyCost (Sub Modul Data Induk) sekali setahun, kecuali sekiranya terdapat perubahan maklumat pada kamus tersebut.

5.2. Semakan semula Kamus Pengekosaan akan dilaksanakan mengikut keperluan dan arahan daripada Bahagian Akaun KKM.

6. MAKLUM BALAS DAN PERTANYAAN

6.1 Pertanyaan lanjut mengenai garis panduan ini boleh dirujuk kepada Seksyen Perakaunan Pengurusan, Bahagian Akaun KKM:

Setiausaha Bahagian
Bahagian Akaun
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 6, Blok E7, Kompleks E
62590 Wilayah Persekutuan Putrajaya.

E-mel : spp@moh.gov.my

No. Tel. : 03-8883 3314 / 3260 / 3275

